

TARIKH	23 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	20	RUANGAN	Nasional

Pelajar juara kad raya Jawi

» Kreativiti tarik minat juri, menang wang tunai RM300

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bharian.com.my

▪ Kuala Lumpur

Pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Puchong Indah, Puchong, Selangor, Amir Zharif Firdaus Rahman, 12, dipilih pemenang pertama Peraduan Kad Raya Bertulisan Jawi anjuran Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dengan kerjasama BH, yang diadakan pada Ogos lalu.

Kad raya kreatif yang memaparkan maklumat mengenai kemeriahan sambutan Aidilfitri di Malaysia itu membolehkan Amir Zharif membawa pulang hadiah wang tunai RM300.

Tempat kedua dimenangi Zafirah Abd Rahim, 12, dari SK Seri Sekinchan, Selangor manakala Nurul Farhana Mohd Azmi dari SK Batu 38, Sabak Bernam, Selangor dipilih sebagai pemenang tempat ketiga. Masing-masing memenangi hadiah wang tunai RM200 dan RM100.

Ketua Pegawai Operasi Tabung Haji, Datuk Kamarudin Mat Ali, berkata penganjuran peraduan berkenaan bertujuan membudayakan tulisan jawi



Dari kiri Mohammad Saimi, Kamarudin dan Noorazmima memilih pemenang sambil diperhatikan Pengurus Jualan Kawasan Selangor Jabatan Pengedaran NSTP, Mahmod Mat Ali di Menara Tabung Haji, semalam.

(FOTO SHIRAZ ALI/BH)

wi dalam kalangan pelajar dan memastikan ia terus menjadi warisan yang tidak dilupakan.

Tingkat kreativiti pelajar

“Selain peraduan ini, Tabung Haji dengan kerjasama BH juga menganjurkan Peraduan Reka Cipta Poster Pasukan Bola Sepak Kegemaran Anda bagi mencungkil dan meningkatkan kreativiti pelajar sekolah rendah dan menengah.

“Semua peraduan yang diadakan ini sebagai satu daripada tanggungjawab sosial yang dilaksanakan Tabung Haji bagi membantu mengekalkan penggunaan tulisan jawi yang semakin dilupakan serta

menggalakkan percambahan idea kreatif di dalam diri pelajar,” katanya selepas sesi pemilihan pemenang dua peraduan itu di Menara Tabung Haji, semalam.

Hadir sama, Pengurus Besar (Khidmat Pelanggan), Jabatan Khidmat Pendeposit dan Operasi Tabung Haji, Mohammad Saimi Mat Som dan Pengurus Kanan (Khidmat Pelanggan), Jabatan Khidmat Pendeposit dan Operasi Tabung Haji, Noorazmima Ismail.

Sementara itu, Puteri Najihah Megat Zakaria, 15, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kompleks Gong Badak, Kuala Terengganu, Te-

rengganu dipilih sebagai pemenang pertama Peraduan Reka Cipta Poster Pasukan Bola Sepak Kegemaran Anda sekali gus mendapat hadiah wang tunai RM300.

Tempat kedua pula menjadi milik Nadzirah Afiqah Adam, 15 dari SMK Tengku Intan Zaharah, Dungun, Terengganu manakala Muhammad Luqman Hakim, 14 dari Tarbiah Islamiah Chabang Empat, Tumpat, Kelantan dipilih sebagai pemenang tempat ketiga.

Masing-masing memenangi hadiah wang tunai RM200 dan RM100. Sepuluh pemenang sugu hati yang dipilih mendapat hadiah wang tunai RM50.